

# Pulau Pinang kekal pengeksport terbesar September

**Pulau Pinang** kekal pengeksport utama Malaysia pada September 2023, menyumbang 34.6 peratus daripada jumlah eksport negara, kata Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM).

Ketua Perangkawan Malaysia Datuk Seri Dr Mohd Uzir Mahidin dalam satu kenyataan berkata empat negeri lain yang turut mencatatkan eksport tertinggi ialah Johor (19.3 peratus), Selangor (17.1 peratus), Sarawak (6.8 peratus) dan Kedah (5.0 peratus).

Beliau berkata kelima-lima negeri itu menyumbang 82.8 peratus daripada eksport negara.

Pada bulan itu, eksport dari Pulau Pinang turun 10.1 peratus tahun ke tahun kepada RM43 bilion, manakala import susut 15.2 peratus tahun ke tahun kepada RM20.9 bilion.

Keseluruhannya, jumlah per-

dagangan Malaysia bagi September 2023 berjumlah RM224.4 bilion dengan eksport dan import masing-masing sebanyak RM124.5 bilion dan RM100.0 bilion.

Mohd Uzir berkata eksport susut 13.7 peratus tahun ke tahun, manakala import jatuh 11.1 peratus tahun ke tahun berikutan penurunan keseluruhan di kebanyakan negeri.

Sementara itu dalam kenyataan berasingan, DOSM berkata harga eksport Malaysia pada September 2023 meningkat 1.6 peratus daripada 142.3 mata pada bulan sebelumnya kepada 144.6 mata, manakala harga import

menokok 1.5 peratus daripada 128.8 mata pada Ogos kepada 130.7 mata.

Peningkatan indeks nilai seunit eksport itu disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (3.6 peratus), minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran, (2.6 peratus) dan alat jentera dan kelengkapan pengangkutan (1.0 peratus).

“Pada masa sama, indeks volum eksport menokok 6.5 peratus pada bulan sama, selaras dengan peningkatan indeks alat jentera dan kelengkapan pengangkutan (21.3 peratus), minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran (7.0 peratus) dan pelbagai

barang keluaran kilang (2.7 peratus),” katanya.

Indeks volum eksport pelarasan bermusim susut 4.1 peratus daripada 161.1 mata kepada 154.5 mata. Merujuk kepada perbandingan tahunan, indeks nilai seunit dan indeks volum masing-masing turun 3.5 peratus dan 10.6 peratus.

Peningkatan indeks nilai seunit import disumbangkan oleh kenaikan indeks minyak galian (5.8 peratus), alat jentera dan kelengkapan pengangkutan (1.3 peratus) dan bahan kimia (0.3 peratus).

Sementara itu, indeks volum import merosot 1.3 peratus pada September 2023 berbanding bulan sebelumnya, disumbangkan oleh kemerosotan indeks minyak dan lemak binatang dan sayur-sayuran (46.8 peratus) dan

minyak galian (6.0 peratus).

DOSM berkata indeks volum import pelarasan bermusim pula bertambah 2.6 peratus daripada 170.4 mata kepada 174.8 mata.

“Perbandingan tahun ke tahun juga menunjukkan indeks nilai seunit import dan indeks volum masing-masing berkurangan 1.4 peratus dan 11.5 peratus,” katanya.

Selain itu, terma perdagangan Malaysia meningkat 0.1 peratus bulan ke bulan kepada 110.6 mata pada September 2023, didorong oleh peningkatan indeks pelbagai barang keluaran kilang (0.8 peratus), bahan kimia (0.8 peratus) dan makanan (0.2 peratus).

Bagaimanapun, terma perdagangan Malaysia tahun ke tahun susut 2.1 peratus daripada 113.0 mata pada September tahun lalu.

BERNAMA



Mohd Uzir Mahidin